
TIPOLOGI BANGUNAN SENI BINA MELAYU MODEN DI MALAYSIA

*¹Azmal Sabil, ¹Nasrul Arif Ahmad Mahmud, ¹Nadiyah Noor Hisham, ²Nayeem Asif

¹ Jabatan Seni Bina,
Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

² Department of Architecture,
Kulliyah of Architecture and Environmental Design,
International Islamic University of Malaysia.

*Correspondence e-mail: azmal@uthm.edu.my

ABSTRAK

Pengadaptasian nilai reka bentuk seni bina Melayu tradisional kepada bangunan moden telah diwartakan sebagai salah satu jalan di dalam membina bahasa identiti seni bina kebangsaan seperti yang telah dinyatakan di dalam 'Seminar Ke Arah Identiti Kebangsaan Dalam Seni Bina' pada tahun 1981. Sungguhpun mendapat galakan daripada kerajaan, jumlah pembangunan reka bentuk bangunan baru yang mengadaptasi nilai warisan seni bina Melayu tradisional masih kecil, malah daripada jumlah yang kecil ini, hanya segelintir daripadanya diklasifikasi mempunyai kualiti reka bentuk yang baik. Di dalam kajian ini, penilaian dan klasifikasi dilaksanakan terhadap 12 buah bangunan seni bina Melayu moden di Malaysia; iaitu merujuk kepada bangunan moden di Malaysia yang direka bentuk dengan mengadaptasi nilai dan karakteristik yang wujud dalam bahasa seni bina Melayu tradisional dan juga warisan kesenian dan kebudayaan Melayu. Melaluinya, tipologi bangunan seni bina melayu moden dibentuk dari kerangka seni bina moden klasikal di Barat, di mana kesemua 12 buah bangunan ini telah diklasifikasi mengikut kerangka ini. Kajian ini diharap akan dapat memberi impak di dalam merevolusi pemikiran seni bina Melayu moden di masa akan datang, seterusnya menjadi jambatan kepada pembangunan identiti seni bina nasional yang lebih mapan dan komprehensif.

Kata kunci: *Identiti Seni Bina Kebangsaan, Seni Bina Melayu Moden, Tipologi.*

PENGENALAN

Seni bina Melayu tradisional merupakan salah satu warisan yang sangat berharga di Negara ini. Vlatseas (1998) menyatakan bahawa, dipercayai semenjak kurun ke-14 lagi seni bina Melayu tradisional telah wujud di Tanah Melayu. Ini dapat dilihat melalui kewujudan Istana Sultan Mansyur Shah yang direkodkan di dalam manuskrip 'Sejarah Melayu'. Ianya berkembang pesat menjelang awal kurun ke-16, selari dengan perkembangan pesatnya kota Melaka. Di dalam proses pembangunan negara, Malaysia telah melalui beberapa fasa dan siri peristiwa, yang secara tidak langsung telah mempengaruhi pembangunan bahasa

seni bina. Ini termasuklah fasa penjajahan negara luar yang membawa masuk bahasa seni bina asing di Malaysia.

Senario ini secara lazimnya dianggap sebagai salah satu ancaman terhadap pembangunan identiti negara sebagai sebuah negara yang kaya dengan aspek ketamadunan, kebudayaan dan warisan. Ini kerana, majoriti binaan yang mencorak bumi Malaysia pada ketika itu dilihat seakan-akan berbahasa asing, atau dalam erti kata lain seperti dijajah budaya asing. Walhal, Malaysia pada ketika itu telahpun merdeka. Sebagai reaksi kepada isu ini, idea dan seruan di dalam pembangunan identiti seni bina nasional dicetuskan, dengan kerjasama di antara arkitek dan juga pihak kerajaan melalui kementerian kebudayaan pada ketika itu (Majid, 2017).

ISU DAN PEMASALAHAN

Selepas hampir enam dekad permasalahan identiti seni bina nasional mula dibicarakan, jawapan kepada isu ini masih gagal dikenal pasti (Hussain, 2015). Perbahasan mengenai isu identiti seni bina nasional ini juga masih lagi dibincangkan di dalam forum dan ucapan umum, baik dari golongan arkitek profesional mahupun ahli akademik sungguhpun setelah hampir enam puluh tahun wacana mengenainya telah dibahaskan (Ahmad, 2012; Majid, 2017, Sudin, 2017; Rasdi, 2017; Sabil, Rasdi & Hussain 2018). Salah satu punca kegagalan pembinaan identiti seni bina nasional ini adalah disebabkan kegagalan pihak arkitek dan pihak kerajaan di dalam mempromosi dan menyebarkan hasrat dan idea pembangunan identiti seni bina nasional ke peringkat akar umbi dan peringkat umum. Hal ini menyebabkan isu identiti seni bina nasional bukan lagi menjadi agenda utama di dalam pembangunan. Ianya seterusnya mengakibatkan kemerosotan di dalam usaha merealisasikan idea pembangunan identiti seni bina nasional di dalam landskap pembangunan Malaysia. (Surat, et al., 2010)

Kemerosotan ini dapat dilihat dengan jelas dari sudut pelaksanaan. Walaupun nilai warisan dan kesenian Melayu tradisi telah disepakati sebagai asas pembangunan identiti seni bina nasional, sehingga ke masa kini, binaan moden yang diadaptasi dari nilai seni bina Melayu tradisional masih kecil jumlahnya (Ibrahim, 2014). Malah di atas jumlah yang kecil ini, Kosman & Ibrahim (2007) menyatakan bahawa hanya sebahagian kecil sahaja binaan moden yang mengadaptasi nilai seni bina Melayu tradisional boleh dianggap sebagai berkualiti, khususnya pada binaan yang dibina bermula 1980-an.

Sehingga ke hari ini, pelbagai jenis pendekatan bahasa seni bina baharu, atau dalam erti kata lain pendekatan modenisasi seni bina Melayu telah dilahirkan di dalam menyahut saranan pembangunan identiti seni bina nasional berdasarkan pengadaptasian nilai dan warisan Melayu. Antaranya termasuklah pendekatan revivalisme seni bina melayu tradisional, metafora dan regionalisme mesin. Sebahagian daripada pendekatan seni bina ini diangkat sebagai salah satu contoh yang baik di dalam mencerminkan identiti seni bina Malaysia. Manakala, sehagaiannya pula dikritik kerana unsur dan sifatnya tidak menggambarkan kemajuan di dalam aspek reka bentuk. (Rasdi & Sabil, 2018; Rasdi, 2005).

Rasdi (2018) juga mencadangkan agar pembangunan identiti haruslah bersifat dinamik, seiring dengan perjalanan masa, disamping harus mempunyai sifat keterbukaan di dalam membentuk nilai yang baik. Akan tetapi, sebahagian besar pendekatan yang telah dilaksanakan telah mengabaikan sifat dinamik seperti yang dimaksudkan ini. Permasalahan ini adalah disebabkan kelompongan kerangka pemikiran terhadap penafsiran seni bina

Melayu, iaitu seni bina yang dipersetujui sebagai sebuah elemen utama di dalam pembangunan identiti seni bina nasional di zaman moden hari ini. Oleh itu, pendekatan modenisasi seni bina Melayu yang telah dilaksanakan sebermula dari wacana identiti seni bina nasional dibahaskan sehingga ke hari ini haruslah dinilai, diklasifikasi dan didokumentasi. Melaluinya, pembangunan identiti seni bina nasional dapat dibangunkan secara lebih dinamik dan progresif.

OBJEKTIF KAJIAN

Di dalam pembangunan bahasa identiti seni bina nasional, salah satu persoalan yang perlu ditafsir adalah berkenaan bagaimanakah senario pembangunan seni bina Melayu moden ini telah dilaksanakan. Dalam erti kata lain, bagaimanakah seni bina Melayu tradisional telah ditransformasi di dalam pembinaan moden. Apakah nilai yang telah diterapkan, dan sejauh manakah ianya berhasil. Di satu sudut lain, apakah klasifikasi gaya rupa yang telahpun dilaksanakan oleh para arkitek di dalam menterjemah nilai seni bina Melayu ini di dalam pembangunan moden. Justeru, objektif kajian ini adalah menjurus kepada persoalan yang dinyatakan ini, iaitu penilaian dan pengklasifikasian reka bentuk dan gaya rupa bangunan moden di Malaysia yang dibina dengan mengadaptasi nilai warisan Melayu dan juga nilai seni bina Melayu tradisional.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi menilai pola pengadaptasian nilai seni bina Melayu tradisional ke dalam reka bentuk bangunan moden, kajian kes terhadap bangunan moden yang mengadaptasi nilai seni bina Melayu tradisional dilaksanakan. Menurut Starman (2013), kajian kes merupakan salah satu cabang kajian yang digunakan secara meluas bagi kajian jenis kualitatif. Seperti yang dinyatakan Grunbaum (2007), kajian kes juga merupakan kaedah kajian yang universal, di mana ianya telah digunakan di dalam pelbagai cabang disiplin, di mana salah satunya adalah bidang sejarah dan reka bentuk. Sungguhpun begitu, Grunbaum (2007) menyatakan bahawa terdapat ambiguiti di dalam pelaksanaan kajian kes, terutamanya berkaitan perhubungan di antara parameter 'kes' dan parameter 'unit analisis'. Pada kebanyakan senario, kegagalan merangka perkaitan di antara 'kes' dan 'unit analisis' mengakibatkan ketidak sahian hasil ataupun output kajian. Oleh itu, adalah sangat penting untuk menjustifikasi kedua-dua parameter bagi merangka strategi kajian kes bagi mendapatkan hasil kajian yang komprehensif.

Thomas (2011) telah mendefinisi 'kes' sebagai subjek yang akan dikaji, manakala 'unit analisis' pula adalah kerangka analisis ataupun teori yang dirujuk di dalam menilai dan menghuraikan subjek yang dikaji. Di dalam kajian ini, 'kes' dirujuk sebagai bangunan-bangunan moden yang dikenalpasti telah mengadaptasi nilai seni bina Melayu tradisional pada elemen reka bentuknya. Ianya merangkumi sejumlah 12 buah bangunan yang akan dihuraikan dengan terperinci pada bahagian seterusnya. Manakala, berdasarkan objektif utama kajian ini di dalam mengklasifikasi reka bentuk dan gaya rupa bangunan moden yang dibina dengan mengadaptasi nilai warisan Melayu dan juga nilai seni bina Melayu tradisional, maka jangkaan hasil kajian kes di dalam penulisan ini haruslah berorientasikan teknik pengklasifikasian. Oleh itu, 'unit analisis' dalam kajian ini diadaptasi daripada model tipologi '*Current Classicism*' yang telah dibangunkan oleh Stern (1988). Pengadaptasian

model tipologi '*Current Classicism*' Stern (1988) ke dalam kajian ini dilaksanakan melalui:

i. Pengklasifikasian pengadaptasian nilai reka bentuk tradisional

Stern (1988) telah mengklasifikasi pola pengadaptasian nilai tradisional seni bina Eropah dari era seni bina klasikal kepada era seni bina moden klasikal pada reka bentuk bangunan pasca moden di barat. Di dalam konteks kajian ini, tatacara pengklasifikasian yang telah dibangunkan oleh Stern (1988) digunakan sebagai kerangka utama pengklasifikasian pola pengadaptasian nilai seni bina Melayu tradisional pada reka bentuk bangunan moden di Semenanjung Malaysia. Manakala, bagi menganalisis dan menilai reka bentuk bangunan secara individu, teknik-teknik kajian berdasarkan kaedah kajian sejarah telah digunapakai.

ii. Penterjemahan terma

Melalui penilaian reka bentuk Stern (1988) pada bangunan pasca moden di negara Barat, beliau telah mengklasifikasi reka bentuk mengikut lima kategori utama. Ianya adalah *Ironic Classicism*, *Latent Classicism*, *Fundamentalist Classicism*, *Canonic Classicism* dan *Modern Traditionalism*. Untuk mengadaptasi klasifikasi ini ke dalam kajian ini, proses penterjemahan terma asal penamaan klasifikasi Stern (1988) ke dalam bahasa Melayu dilaksanakan. Secara amnya, proses penterjemahan terma ini bukanlah hanya dilakukan dengan menterjemah terma asal semata-mata. Ianya dilakukan melalui pemahaman konteks keseluruhan pembangunan setiap terma yang dicadangkan oleh Stern (1988) bagi penamaan setiap pola klasifikasi, sebelum perkataan bahasa Melayu bersesuaian dipilih mewakili konteks tersebut.

Seperti yang dinyatakan oleh Pardo (2016), permasalahan timbul di dalam proses penterjemahan apabila penterjemah tidak mempunyai pengetahuan mendalam di dalam konteks perkataan. Ini mengakibatkan penterjemah tidak berkeupayaan untuk memutuskan perkataan yang paling sesuai mewakili makna perkataan asal ke dalam bahasa baru penterjemahan. Menurutnya lagi, nilai semantik dan pragmatik perkataan asal didalam konteksnya seharusnya diambil kira sebelum proses penterjemahan dilaksanakan. Pardo (2016) mencadangkan agar proses penterjemahan dijalankan mengikut tatacara sistematik berprotokol yang dibangunkan olehnya. Proses ini merangkumi pemahaman konteks perkataan asal, diikuti dengan proses pencarian terma terjemahan yang bersesuaian. Proses seterusnya melibatkan analisis sama ada terma terjemahan mempunyai makna yang sama di dalam konteks terma asal, diikuti dengan proses verifikasi glosari terma mengikut bahasa baru penterjemahan.

Dalam proses menterjemah terma yang dibangunkan Stern (1988), konteks dan tatacara pembangunan klasifikasi pola pengadaptasian reka bentuk telah difahami dan dihuraikan secara mendalam di dalam bab sebelumnya. Proses seterusnya diikuti dengan proses penterjemahan daripada bahasa Inggeris ke bahasa Melayu melalui dua platform penterjemahan atas talian. Ianya adalah kamus atas talian Oxford, Malay Oxford Living Dictionaries (<https://ms.oxforddictionaries.com>) dan Cambridge Dictionary, English–Malay Dictionary (<https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english-malaysian/>). Setelah diterjemah, kesesuaian konteks terma Melayu yang diterjemah akan dikenalpasti. Jika kesesuaian terma tersebut bercanggah dengan makna dan konteks asal, perkataan sinonim bagi terma tersebut akan digunakan. Proses ini akan berulang selagi sehingga konteks terma

berpadanan ditemui. Pada peringkat akhir, terma baharu yang diusulkan diverifikasi melalui perkhidmatan atas talian, Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (<http://prpm.dbp.gov.my/>) dan e-kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Gerbang Kata DBP (<http://ekamus.dbp.gov.my/Default.aspx>). Penterjemahan kata adalah seperti dalam gambarajah 1.



Gambarajah 1: Pengadaptasian model tipologi 'Current Classicism' yang dibangunkan oleh Stern (1988) pada kajian ini.

Dari aspek pemilihan bangunan pula, bangunan dipilih berdasarkan garis masa pembangunan selepas kemerdekaan. Secara amnya, jumlah bangunan yang telah dibina semenjak zaman pasca merdeka adalah tidak terkira banyaknya. Oleh itu, skop pemilihan bangunan kajian telah dkecilkan. Di dalam mengatur strategi pemilihan bangunan sebagai sampel, teknik *deviant case sampling* telah diadaptasi. Menurut Etikan, Musa, & Alkassim (2016), melalui teknik *deviant case sampling*, kes ataupun sampel yang dipilih adalah sampel terkemuka ataupun diketahui, dimana sampel ini berkeupayaan untuk dijadikan sebagai contoh terbaik mewakili populasinya, ataupun contoh terburuk sebagai rujukan di masa hadapan. Oleh itu, bangunan kajian yang dipilih di dalam kajian ini adalah bangunan yang dikategorikan sebagai bangunan terkemuka di Malaysia. Powell (2017) telah menyenaraikan bangunan-bangunan yang dikategorikan sebagai bangunan terkemuka di Malaysia mengikut garis masa selepas kemerdekaan sehingga ke tahun 2017. Berasaskan senarai bangunan yang disenaraikan oleh Powell (2017), bangunan telah dipilih mewakili sela masa 20 tahun iaitu 1957-1970, 1970-1990, 1990-2010, 2010-2017. Pemilihan bangunan berdasarkan sela masa ini adalah penting bagi menilai perkembangan seni bina Melayu moden, daripada bermulanya sahutan identiti seni bina kebangsaan diperkenalkan sehinggalah ke hari ini. Manakala, skop pemilihan bangunan kajian difokuskan kepada bangunan yang mengadaptasi sama ada nilai seni bina Melayu tradisional, ataupun nilai warisan kesenian Melayu berlandaskan salah satu kriteria di bawah:

- i. Bangunan yang dipilih telah dijadikan subjek penulisan ataupun kajian mengenai isu identiti seni bina kebangsaan, ataupun isu pengadaptasian nilai seni bina Melayu tradisional pada bangunan moden.
- ii. Bangunan yang dipilih mencerminkan karakter dominan seni bina Melayu tradisional pada reka bentuknya.

Berdasarkan kriteria yang dibincangkan, bangunan yang dipilih adalah seperti dalam gambarajah 2.

	1957-1970	1970-1990	1990-2010	2010-2017
Kriteria (i) <i>Dijadikan subjek kajian / penulisan</i>	Masjid Negara Muzium Negara	Bangunan Bank Bumiputera Bangunan PWTC Menara Maybank	Perpustakaan Negara Sasana Kijang Boh Visiting Centre	Surau Nusajaya
Kriteria (ii) <i>Karakter dominan senibina Melayu tradisional</i>			Rumah Salinger	Sekolah Desa Mahkota Rumah Sepang

Gambarajah 2: Bangunan terkemuka yang dipilih sebagai bangunan kajian berdasarkan kriteria yang telah dibincangkan

CADANGAN TIPOLOGI BANGUNAN SENI BINA MELAYU MODEN DI MALAYSIA

Seperti yang dibincangkan di bahagian sebelumnya, tatacara pengadaptasian model tipologi 'current classicism' ke dalam kajian ini telah dihuraikan. 5 tunjang utama, iaitu *Ironic Classicism*, *Latent Classicism*, *Fundamentalist Classicism*, *Canonic Classicism* dan juga *Modern traditionalism* telah diadaptasi dalam membentuk tipologi seni bina Melayu moden di Malaysia di dalam kajian ini. Tipologi dibahagikan kepada lima kelompok, termasuklah Seni Bina Melayu Semiotik, Seni Bina Melayu Laten, Seni Bina Melayu Intrinsik, Seni Bina Melayu Konservatif dan Seni Bina Melayu Eklektik.

Cadangan Tipologi Senibina Melayu Moden di Malaysia				
SENIBINA MELAYU SEMIOTIK	SENIBINA MELAYU LATEN	SENIBINA MELAYU INTRINSIK	SENIBINA MELAYU KONSERVATIF	SENIBINA MELAYU EKLEKTIK
Muzium Negara	Sekolah Desa Mahkota	Masjid Negara	Salinger House	Bank Bumiputera
Perpustakaan Negara	Rumah Sepang	BOH Visiting Centre		PWTC
Sasana Kijang		Surau Nusajaya		
Menara Maybank				

Gambarajah 3: Cadangan tipologi seni bina Melayu moden di Malaysia yang dibina berdasarkan kerangka tipologi current classicism

SENI BINA MELAYU SEMIOTIK

Secara dasarnya, kelompok ini dibentuk berdasarkan pendekatan *ironic classicism*, iaitu karakter seni bina yang dibangunkan berdasarkan penerapan elemen bangunan Melayu tradisional dan juga warisan kesenian Melayu tradisional. Di dalam kerangka pembangunan tipologi *ironic classicism* barat, terdapat beberapa karakter seperti yang dibangunkan oleh Robert Venturi, berdasarkan sejauh mana sesebuah elemen klasikal diinterpretasi dan dikategori sebagai 'duck', dan 'decorated shed'. Di dalam konteks tesis ini yang merujuk kepada pembangunan seni bina Melayu moden di Malaysia, Seni Bina Melayu Semiotik adalah seni bina Melayu moden yang mengadaptasi kepelbagaian elemen daripada teras nilai seni bina Melayu Tradisional dan juga inspirasi ataupun perlambangan kepada objek warisan kesenian dan teknologi Melayu tradisional.



Gambarajah 4: Bangunan Sasana Kijang, rekaan Hijjas Kasturi yang diinspirasi daripada motif fabrik songket pada bahagian fasadnya
(Sumber: Hijjas Kasturi Associates Sdn., 2018)

Antara bangunan yang dicadangkan tergolong di dalam kelompok ini ialah beberapa buah bangunan rekaan Hijjas Kasturi. Hijjas Kasturi telah mencadangkan agar karakter seni bina Melayu moden itu diinspirasi dari objek warisan kesenian dan teknologi Melayu tradisional (Sabil, 2020). Sebagai contoh adalah bangunan Sasana Kijang, yang mana fasad hadapan bangunan ini telah direka bentuk berdasarkan motif yang terdapat pada songket. Manakala, elemen perlambangan pada bangunan menara Maybank pula telah dilabel oleh masyarakat umum sebagai perlambangan kepada keris. Karakter reka bentuk seperti ini lazimnya sangat dekat dengan jiwa masyarakat Melayu, dan seterusnya menjadikan sesebuah bangunan itu berjiwa kemelayuan, melalui persepsi masyarakat yang menilai dan melihatnya. Selain daripada bangunan rekaan Hijjas Kasturi yang menerapkan unsur perlambangan daripada warisan kesenian dan teknologi Melayu tradisional, bangunan Perpustakaan Negara rekaan firma Kumpulan Arkitek juga diklasifikasi ke dalam kelompok yang sama. Perpustakaan Negara lazimnya direka berinspirasi tengkolok busana kaum lelaki Melayu, dan pada bahagian fasad luaran bangunan pula diaplikasi rona warna yang kelihatan seakan fabrik tengkolok.



*Gambarajah 5: Reka bentuk Perpustakaan Negara yang menjadikan tengkolok sebagai unsur perlambangan kepada reka bentuk bangunan ini
(Sumber: Penulis)*

Selain itu, bangunan lain yang dicadangkan untuk dikategori di dalam kelompok ini ialah bangunan Muzium Negara, yang direka bentuk oleh arkitek Ho Kok Hoe. Terdahulunya, terdapat beberapa pengkaji lain yang mengklasifikasi bangunan ini sebagai revivalisme tradisional Melayu, tetapi di dalam konteks ini kita haruslah melihat keseimbangan di antara karakter moden dan penerapan elemen Melayu yang diterapkan secara minimal. Di suatu tahap, ianya bertepatan dengan konsep 'decorated shed', yang mana elemen Melayu tradisional telah diadaptasi pada kadar minimal melalui interpretasi yang lebih mengutamakan struktur bangunan.



*Gambarajah 6: Muzium Negara, menerapkan nilai reka bentuk seni bina Melayu tradisional secara minimal
(Sumber: Penulis)*

SENI BINA MELAYU LATEN

Kelompok seni bina Melayu laten ini pula dibentuk berasaskan tipologi *latent classicism*, iaitu pendekatan seni bina yang mengadaptasi bentuk keseluruhan yang membentuk karakter sesebuah bangunan klasikal, disamping menolak pengadaptasian elemen ornamentasi pada bangunan klasikal yang dirujuk. Terma laten seperti di dalam daftar kata Dewan Bahasa Pustaka secara istilahnya membawa maksud tersorok, ataupun terlindung. Di dalam konteks istilah terselindung ini merujuk kepada penonjolan karakter bentuk utama sahaja, berbanding pengadaptasian ragam hias dan ornamentasi pada permukaan luar bangunan yang 'diselindungi'. Maka, dalam konteks seni bina Melayu moden di dalam kajian ini, pendekatan seni bina Melayu laten ini haruslah berdasarkan beberapa kriteria utama teras nilai reka bentuk seni bina Melayu tradisional. Yang pertama ialah bentuk curam bumbung seni bina Melayu tradisional yang menjadi identiti kepada bentuk kasar bangunan Melayu tradisional, diikuti dengan isipadu berpanggung, yang menjadi salah satu teras utama di dalam reka bentuk seni bina Melayu tradisional.



Gambarajah 7: Rumah Sepang, rekaan Eleena Jamil. Bentuk kasar bangunan Melayu tradisional dapat dilihat melalui kecerunan reka bentuk bumbung dan karakter 'berpanggung' pada bahagian atas bangunan kediaman ini.

(Sumber: Eleena Jamil Architect, 2018)

Antara bangunan moden yang dicadangkan untuk dikategorikan di dalam kelompok ini ialah bangunan kediaman Rumah Sepang rekaan Eleena Jamil. Ianya direka dengan menonjolkan karakter bentuk kasar dan kecerunan bumbung. Sebahagian daripada isipadu rumah kelihatan terapung, ataupun berpanggung secara menonjol. Manakala, bahagian dinding pula dibiarkan kosong tanpa sebarang ornamentasi dan ragam hias. Selain daripada bangunan kediaman, bangunan sekolah yang direka bentuk oleh Eleena Jamil (Sekolah Desa Mahkota) dicadangkan untuk diklasifikasi ke dalam pendekatan Seni Bina Melayu Laten. Skema reka bentuk sekolah ini direka bentuk dengan mengeksploitasi garisan kecerunan bumbung, dan seterusnya menjadikan saiz cucur atap menjadi besar dan memberi teduhan daripada hujan dan panas. Manakala, bahagian dinding luaran pula dibiarkan kosong tanpa sebarang ragam hias.



Gambarajah 8: Sekolah Desa Mahkota rekaan Eleena Jamil. Karakter reka bentuk bumbung curam bangunan sekolah ini menonjolkan karakter bumbung curam pada seni bina Melayu tradisional (Sumber: Eleena Jamil Architect, 2018)

SENI BINA MELAYU INTRINSIK

Kelompok Seni Bina Melayu Intrinsik pula dibentuk berdasarkan tipologi *Fundamentalist Classicism*, iaitu pendekatan seni bina yang cenderung untuk kembali kepada asas sesebuah bahasa seni bina. Seperti yang diklasifikasi di barat, *Fundamentalist Classicism* dikatakan lahir daripada tradisi pembentukan semula (tradition of reform), yang mana bahasa seni bina baru diasaskan daripada bentuk asas geometri, dan bentuk yang tidak terikat dengan bentuk fizikal bangunan klasikal. Terma 'intrinsik' digunakan, di mana secara istilahnya, ia bermaksud 'sesuatu yang berkaitan dengan ciri semula jadi yang terdapat pada sesuatu'. Di dalam konteks seni bina Melayu moden di Malaysia di dalam tesis ini, seni bina Melayu intrinsik merujuk kepada reka bentuk seni bina Melayu moden yang mengadaptasi ciri semula jadi dan bentuk asas geometri yang terdapat pada seni bina Melayu tradisional. Termasuklah reka bentuk modular dan bentuk semula jadi geometri segi empat, piramid serta penekanan hubungan semulajadi bangunan dengan alam sekitar.

Antara bangunan yang dicadangkan diklasifikasi di dalam kelompok Seni Bina Melayu Intrinsik ini ialah rekaan Mastor Surat, *BOH Visitor Centre*. Secara fizikalnya, rekaan *BOH Visitor Centre* ini adalah pada modul segi empat tepat memanjang, manakala sebahagian daripada isipadunya terapung. Dindingnya dibina dari bahan telus cahaya sebagai menunjukkan manifestasi hubungan bangunan ini dengan persekitaran, di samping pengaplikasian bahan binaan semula jadi pada sesetengah bahagian dinding bangunan.



*Gambarajah 9: BOH Visitor Centre, rekaan Mastor Surat yang direka bentuk menggunakan bentuk asas geometri disamping penerapan elemen hijau alam sekitar pada binaan dinding.
(Sumber: Penulis)*

Masjid Negara, rekaan Baharuddin Abdul Kassim juga diklasifikasi sebagai seni bina Melayu Intrinsik. Salah satu sebab utama ialah pada reka bentuk modular bersegi empat yang dominan pada masjid negara ini. Disamping itu, sebahagian isipadu masjid negara ini dibina berpanggung, dan kubah masjid ini pula adalah integrasi bentuk geometri asas segitiga dan piramid. Penggunaan elemen kolam takungan air dipersekitaran masjid ini menerapkan unsur hubungan semula jadi binaan dengan alam sekitar, di samping tumbuhan menghijau landskap yang wujud.



*Gambarajah 10: Masjid Negara, rekaan Baharuddin Abdul Kassim yang menerapkan elemen geometri pada rekaan bumbung.
(Sumber: Penulis)*

SENI BINA MELAYU KONSERVATIF

Dibentuk daripada pendekatan tipologi *Canonic Classicism*, iaitu pendekatan seni bina yang menolak segala ideologi baru dan perubahan di dalam karakter reka bentuk, khususnya pada sudut teknologi binaan. Terma konservatif membawa maksud 'kecenderungan untuk mengekalkan sesuatu keadaan yang wujud atau yang menjadi kebiasaan' seperti yang dinyatakan dalam daftar kata Dewan Bahasa Pustaka. Di dalam konteks seni bina Melayu moden tesis ini, pendekatan seni bina Melayu konservatif merujuk kepada pendekatan reka bentuk seni bina Melayu moden yang masih terikat dengan karakter reka bentuk bangunan Melayu tradisional yang dibina dengan tatacara pembinaan serta penggunaan bahan binaan tradisional pada binaannya. Walaupun pada hari ini, teknologi pembinaan dan kejuruteraan bahan binaan telah berkembang dengan pesatnya, pendukung seni bina Melayu Konservatif masih terikat lagi dengan teknik pembinaan dan bahan binaan tradisional bagi menonjolkan karakter tradisionalisme pada bangunan rekaan mereka.



Gambarajah 11: *Salinger House*, rekaan Jimmy CS Lim
(Sumber: Badan Warisan Malaysia, 2019)

Salah satu contoh bangunan yang dicadangkan untuk diklasifikasi dalam kelompok ini ialah bangunan *Salinger House*, rekaan Jimmy CS Lim. Sungguhpun berkembang dengan reka bentuk yang lebih moden, dan juga dinamik, *Salinger House* dibina hampir sepenuhnya menggunakan bahan binaan tradisional, kayu dan juga dibina menggunakan tatacara pembinaan tradisional yang dibina oleh tukang tradisional. Di suatu sudut pandang, ianya masih terikat lagi dengan karakter reka bentuk bangunan Melayu tradisional.

SENI BINA MELAYU EKLEKTIK

Kelompok Seni Bina Melayu Eklektik pula dibentuk dari adaptasi tipologi *Modern Traditionalisme*, di mana pendekatan bahasa seni bina yang mengadaptasi elemen klasikal disamping terbuka untuk diterapkan unsur-unsur dan elemen bahasa seni bina lain, termasuklah nilai estetika bercampur dan juga teknologi dan bahan binaan terkini. Di suatu sudut, pendekatan *Modern Traditionalisme* membawa bahasa bangunan tradisi hidup di dalam jiwa kemodenan dengan pengaplikasian teknologi binaan terkini. Terma 'eklektik'

membawa maksud sesuatu yang diperolehi daripada pelbagai sumber. Di dalam konteks seni bina Melayu moden tesis ini, pendekatan seni bina Melayu eklektik merujuk kepada pembinaan semula bangunan Melayu tradisional dengan menggunakan bahan binaan yang baharu. Dalam erti kata lain, pendekatan seni bina Melayu eklektik cenderung untuk diklasifikasi berdasarkan peniruan nilai, tanpa kajian secara mendalam bagaimana sesuatu karakter reka bentuk itu harus berkembang.



*Gambarajah 12: (Kiri) Bangunan Pusat Perdagangan Dunia Putra (PWTC), (kanan) Bangunan Bank Bumiputera rekaan Kumpulan Arkitek.
(Sumber: Penulis)*

Antara contoh bangunan yang dicadangkan tergolong di dalam pendekatan seni bina Melayu Eklektik ini ialah bangunan Bank Bumiputera dan Bangunan Pusat Perdagangan Dunia Putra (PWTC) rekaan Kumpulan Arkitek. Kedua-dua bangunan ini dibina dengan meniru bentuk dan ragam hias bangunan Melayu tradisional. Bangunan-bangunan ini kemudiannya dibina dengan bahan binaan baharu, seperti kaca dan juga konkrit, dan dibina pada skala saiz *monumental*, yang mana ianya sangat bertentangan dengan falsafah reka bentuk seni bina Melayu tradisional.

KESIMPULAN

Jika dilihat melalui cadangan tipologi yang telah dikemukakan di bahagian sebelumnya, seni bina melayu moden telah diklasifikasi kepada lima pendekatan utama. Bagi pendekatan seni bina Melayu semiotik, ianya merupakan pendekatan reka bentuk yang menghasilkan karakter kemelayuan yang paling jelas pada reka bentuk bangunan. Sungguhpun pendekatan sebegini tidak dipersetujui oleh sesetengah arkitek mahupun pakar seni bina, akan tetapi pendekatan inilah yang paling mudah untuk difahami dan dijiwai oleh masyarakat awam. Sebagai contoh, bangunan Perpustakaan Negara yang diketahui oleh segenap lapisan masyarakat sebagai 'jelmaan' kepada tengkolok.

Manakala, bagi pendekatan kedua ialah pendekatan seni bina Melayu laten yang mengadaptasi bentuk utama ataupun siluet (*silhouette*) bangunan Melayu tradisional kepada reka bentuk moden. Melalui pendekatan ini, reka bentuk bangunan dilihat menjadi lebih fleksibel, tetapi di sudut yang lain berhasil menterjemah karakter seni bina Melayu tradisional di zaman moden. Lihat sahaja contoh pada bangunan Rumah Sepang, yang mengetengahkan ekspresi struktur keluli moden dan bahan binaan konkrit. Akan tetapi reka bentuk keseluruhannya masih mencerminkan bahasa seni bina Melayu, walaupun dibina menggunakan bahan binaan konkrit dan batu, tetapi karakter keseluruhannya masih kuat mencerminkan bahasa seni bina Melayu tradisional.

Manakala, pendekatan seterusnya ialah seni bina Melayu intrinsik. Pendekatan ini dilihat merupakan satu gagasan pemikiran kritikal arkitek di dalam menterjemah seni bina Melayu tradisional melampaui tradisi bentuk fizikalnya. Pendekatan seni bina Melayu intrinsik layaknya digelar sebagai tradisi pembentukan semula (*tradition of reform*), pembangunan seni bina Melayu di zaman ini. Pembangunan reka bentuk seni bina Melayu intrinsik lebih memberi penekanan kepada perhubungan nilai keluhuran dan falsafah reka bentuk seni bina Melayu tradisional dengan pemikiran reka bentuk moden. Sebagai contoh, Surau Nusajaya dan *Boh Visitor Centre* yang mana mempunyai bentuk fizikal segi empat yang diadaptasi dari modul pelan bangunan Melayu tradisional. Sungguhpun bentuknya sangat berbeza dengan fizikal bangunan seni bina Melayu tradisional, susun atur ruangnya dan sebahagian besar elemen bangunan Melayu tradisional telah diadaptasi dan dimodenkan pada reka bentuk bangunan ini.

Pendekatan seterusnya adalah seni bina Melayu konservatif, yang merupakan pendekatan seni bina Melayu moden yang terikat dengan bentuk fizikal dan teknologi binaan seni bina Melayu tradisional. Pendekatan seperti ini secara tidak langsung dapat mencerminkan dengan jelas karakter Melayu pada reka bentuk bangunan. Ini dapat dilihat pada penggunaan material dan teknik binaan yang sama pada sebahagian besar komponen bangunan. Sungguhpun reka bentuk dan perancangan ruangnya berbeza dan lebih dinamik, namun pendekatan berunsur konservatif seperti ini sedikit sebanyak menimbulkan tanda tanya terhadap tahap relevan penggunaan semula bahan binaan dan teknik pembinaan tradisional. Ini kerana, pada hari ini, telah wujud pelbagai teknik, dan bahan binaan yang lebih moden. Sedikit berbeza, pendekatan seni bina Melayu konservatif, pendekatan yang terakhir ialah seni bina Melayu eklektik yang mengetengahkan pembinaan semula reka bentuk seni bina Melayu tradisional dengan teknologi dan bahan binaan baru. Kedua-dua pendekatan seni bina Melayu konservatif dan seni bina Melayu eklektik dilihat bersifat regresif apabila kedua-dua pendekatan ini masih terikat dengan reka bentuk tradisional dan teknologi binaan tradisional.

RUJUKAN

- [1] Ahmad, S. (2012). Opening Speech. DATUM: KL 2012 International Architectural Design Conference. 6 Julai 2012. Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur.
- [2] Grunbaum, N. N. (2007). Identification of Ambiguity in the Case Study Research Typology: What is a Unit of Analysis? *Qualitative Market Research: An International Journal*, 78-97.

-
- [3] Hussain, N. H. (2015). *Thoughts on Malaysian Architecture Identity and Design Principles of Malayan Architects Co-partnership*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- [4] Ibrahim, W. S. (2014). *Identiti Seni Bina Melayu Dalam Era Globalisasi*. Kuala Lumpur: Koleksi Persidangan Perpustakaan Peringatan Za'aba Universiti Malaya.
- [5] Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (1981). *Laporan Seminar Ke Arah Identiti Kebangsaan Dalam Seni Bina, 20 – 23 Januari 1981*. Kuala Lumpur.
- [6] Kosman, K. A., & Ibrahim, N. L. (2007). *Identiti Seni Bina Malaysia: Masalah dan Penyelesaiannya*. *Sari* (25), 279-290.
- [7] Majid, H. A. (2017). *1st Decade to 3rd Decade Discussion*. Merdeka Jubilee Architecture Symposium. 26 August 2017. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- [8] Pardo, B. H. (2016). *Study on Terminological Research for the Translation of Specialized Text*. *Miscelánea Comillas*, 481-494.
- [9] Powell, R. (2017). *The Merdeka Timeline*. In D. Teh, *Views Reviews Interviews - Celebrating 60 Years of Malaysian Architecture 1957-2017* (pp. 14-19). Kuala Lumpur: Pertubuhan Arkitek Malaysia.
- [10] Rasdi, M. T. M. (2005). *Malaysian Architecture: Crisis Within*. Kuala Lumpur: Utusan Publivation & Distributors Sdn. Bhd.
- [11] Rasdi, M. T.M., & Sabil, A. b. (2018). *The Architectural Thoughts of Hijjas Kasturi on the concept of a National Architectural Identity*. *PERTANIKA JOURNAL OF SOCIAL SCIENCE AND HUMANITIES*, 237-244.
- [12] Rasdi, M. T. M. (2017). *Pengkajian dan Pelestarian Seni Bina Melayu: Signifikan, Isu serta Cabaran*. *Wacana Pra Kongres – Kongres Budaya 2017*. 24 Mac 2017. Universiti Putra Malaysia, Kuala Lumpur.
- [13] Sabil, A. (2020). *Idea dan Pendekatan Seni Bina Melayu Moden di Semenanjung Dalam Kalangan Arkitek Malaysia*. (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Putra Malaysia
- [14] Sabil, A., Rasdi, M. T. M., Hussain, N. (2018). *Forum Gagasan Seni Bina Melayu Baharu*. *Sambutan Kempen Membaca Kebangsaan Dewan Bahasa dan Pustaka*. 4 Oktober 2018. Kuala Lumpur.
- [15] Starman, A. B. (2013). *The case study as a type of qualitative research*. *Journal of Contemporary Educational Studies*, 28-43.
- [16] Stern, R. A. (1988). *Modern Classicism*. Washington: Thames and Hudson.
- [17] Sudin, P. W. (2017). *3rd Decade 1977-1987*. Merdeka Jubilee Architecture Symposium. 26 August 2017. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- [18] Surat, M., Tahir, M. M., Usman, I., Ani, A. I., Goh, N. A., Tawil, N. M., et al. (2010). *Re-evaluating the Idea of a Malaysian Architectural Identity Towards a Sustainable Environment*. *Recent Advances in Energy & Environment*, 25-30.
- [19] Thomas, G. (2011). *A Typology for the Case Study in Social Science Following a*
-

Review of Definition, Discourse, and Structure. *Qualitative Inquiry*, 511-521.

[20] Vlatseas, S. (1998). Chronology. In C. V. Fee, *The Encyclopedia of Malaysia Architecture* (pp. 8-9). Kuala Lumpur: Archipelago Press.

PENGHARGAAN

Perlaksanaan kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui skim geran penyelidikan 'Fundamental Research Grant Scheme' (FRGS) (FRGS/1/2021/WAB09/UTHM/03/1) bertajuk *Modenisasi Senibina Melayu Tradisional: Eklorasi Kerangka Asas Senibina Melayu Moden (SMM) di Malaysia Berteraskan Model Peyelidikan 'Research Onion'*. Penulis juga melahirkan penghargaan di atas sokongan berterusan dari pihak Jabatan Senibina dan kumpulan fokus ASDARS Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, dan juga kumpulan penyelidikan WARIS, Universiti Putra Malaysia.